

SULIT\*

PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPI 944/1 PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS STPM 2009 NPERLIS  
 PKPSMPI 2SMPE NPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPE EKONOMI KPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPE KPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI KERTAS 1 IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNP (MIKROEKONOMI -ANEKA PILIHAN DAN ESEI ) MJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNP (Tiga jam) MJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNP MJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
 SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2009



ANJURAN  
 PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
 SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
 (CAWANGAN PERLIS)

**Arahan kepada calon:**

*Jawab semua dalam Bahagian A, lima soalan daripada Bahagian B, dua soalan daripada Bahagian C dan dua soalan daripada Bahagian D.*

*Ada tiga puluh soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat dan menandakannya pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

*Anda dinasihati supaya menjawab Bahagian A dalam masa satu jam yang pertama.*

*Gunakan lembaran kertas yang berasingan bagi tiap-tiap bahagian B, C dan D.*

*Tunjukkan semua perhitungan dan berikan jawapan anda betul sehingga dua tempat perpuluhan. Markah untuk tiap-tiap soalan dalam bahagian B, C dan D diberikan dalam tanda kurung [ ]*

**NOTA**

*Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.  
 Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan*

**Kertas soalan ini terdiri daripada 18 halaman bercetak.**

© Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Perlis (PKPSM) 2009

**Bahagian A [30 markah]**

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.

1. Sesebuah ekonomi mencapai kecekapan pengeluaran yang maksimum apabila ia....
  - A tidak dapat meningkatkan pengeluaran suatu barang tanpa mengurangkan pengeluaran barang lain.
  - B dapat meningkatkan pengeluaran semua barang
  - C dapat meningkatkan pengeluaran suatu barang tanpa mengurangkan pengeluaran barang lain
  - D dapat mengurangkan pengeluaran semua barang
2. Jadual di bawah menunjukkan kemungkinan pengeluaran barang ketenteraan dan barang pengguna bagi sebuah ekonomi.

Barang Ketenteraan (unit)	Barang Pengguna (unit)
0	9
1	7
2	4
3	0

Pernyataan manakah yang benar tentang keluk kemungkinan pengeluaran ekonomi ini?

- A Kos lepas malar apabila barang ketenteraan ditambah
  - B Kos lepas malar apabila barang ketenteraan dikurangkan
  - C Kos lepas meningkat apabila barang ketenteraan ditambah
  - D Kos lepas meningkat apabila barang ketenteraan dikurangkan
3. Bagaimanakah masalah “untuk siapa barang dikeluarkan” diselesaikan dalam sistem ekonomi kapitalis?
    - A Barang dan perkhidmatan diselesaikan oleh mekanisme harga
    - B Barang dan perkhidmatan diagihkan sama rata kepada setiap rakyat
    - C Barang dan perkhidmatan yang perlu sahaja dikeluarkan untuk rakyat
    - D Barang dan perkhidmatan dikeluarkan berdasarkan kemampuan membayar.
  4. Barang awam dan barang ekonomi mempunyai persamaan berikut kecuali.....
    - A hak penggunaan barang
    - B nilai faedah kepada pengguna
    - C penawaran yang terhad
    - D kos lepas dalam pengeluaran


944/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

<http://smkpbu.blogspot.com>


5. Perubahan harga barang pengganti menyebabkan berlaku perubahan pada .....
  - A permintaan yang mengakibatkan pergerakan berlaku disepanjang keluk permintaan
  - B kuantiti diminta yang mengakibatkan pergerakan disepanjang keluk permintaan
  - C kuantiti diminta yang mengakibatkan peralihan keluk permintaan
  - D permintaan yang mengakibatkan peralihan keluk permintaan
  
6. Hukum permintaan menjelaskan perhubungan di antara .....
  - A kejatuhan harga dengan penurunan dalam kuantiti yang diminta
  - B perubahan harga dengan perubahan dalam kuantiti yang diminta
  - C kejatuhan harga dengan peningkatan dalam kuantiti yang diminta
  - D peningkatan harga dengan kejatuhan dalam kuantiti yang diminta
  
7. Gambar rajah di bawah menunjukkan  $D_0$  dan  $D_1$  ialah keluk permintaan teh.



Peralihan keluk permintaan dari  $D_0$  ke  $D_1$  mungkin disebabkan oleh.....

- A kenaikan harga buah kopi
- B penurunan harga buah kopi
- C kenaikan harga kopi
- D penurunan harga kopi

8.. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Fungsi penawaran barang tersebut ialah.....

- A  $Q_s = 15 - 2P$   
 B  $Q_s = 15 + 2P$   
 C  $Q_s = -15 - 2P$   
 D  $Q_s = -15 + 2P$
9. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan individu Azizah, Bienda dan Christina serta kuantiti penawaran oleh firma De `Ayu dan firma Emas Anggun dalam pasaran barang kosmetik.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)			Kuantiti ditawarkan (unit)	
	Azizah	Bienda	Christina	De`Ayu	Emas Anggun
10	11	15	50	10	20
20	10	14	40	11	30
30	9	13	30	12	40
40	8	12	20	13	50
50	7	11	10	14	60

Berdasarkan maklumat dalam jadual , tentukan tingkat harga keseimbangan pasaran barang kosmetik.

- A RM10.00  
 B RM20.00  
 C RM30.00  
 D RM40.00

10. Andaikan fungsi permintaan dan fungsi penawaran dalam sebuah ekonomi adalah seperti berikut.

$$Q_s = 4 + 2P$$

$$Q_d = 12 - 2P$$

dengan  $Q_s$  kuantiti di tawarkan,  $Q_d$  kuantiti diminta dan  $P$  ialah harga. Apabila kerajaan memberikan subsidi, fungsi penawaran menjadi  $Q_s = 8 + 2P$ . Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan yang baru?

	<i>Harga (RM)</i>	<i>Kuantiti (unit)</i>
A	RM1.00	10 unit
B	RM1.00	8 unit
C	RM2.00	8 unit
D	RM2.00	10 unit

11. Jumlah hasil jualan akan berkurangan apabila .....

- A harga dinaikkan apabila permintaan anjal
- B harga diturunkan apabila permintaan anjal
- C harga diturunkan apabila permintaan anjal satu
- D harga dinaikkan apabila permintaan tidak anjal.

12. Fungsi permintaan untuk barang A ialah ;

$$Q_A = 1000 - 3P_A + 4P_B - 0.2Y \quad \text{dimana,}$$

$Q_A$  = kuantiti barang A yang diminta  
 $P_A$  = harga barang A  
 $P_B$  = harga barang B  
 $Y$  = pendapatan

Pada mulanya  $P_A = \text{RM}10.00$  ,  $P_B = \text{RM}8.00$  dan  $Y = \text{RM}1500.00$ . Berapakah keanjalan permintaan pendapatan bagi barang A apabila  $Y = \text{RM}2000.00$ .

- A  $-\frac{3}{7}$
- B  $-\frac{7}{3}$
- C  $-\frac{1}{3}$
- D  $-\frac{3}{1}$

13. Keluk penawaran yang menunjukkan peratus kenaikan harga sama dengan peratus kenaikan kuantiti yang ditawarkan adalah berbentuk .....

- A satu garis lurus yang bermula dari titik asalan
- B satu garis lurus yang bermula dari paksi harga
- C satu garis lurus yang bermula dari paksi kuantiti
- D satu garis lurus yang selari dengan paksi harga


14. Jadual di bawah menunjukkan utiliti sut pengguna dan harga yang dibayar bagi penggunaan unit tertentu barang X, Y dan Z.

<i>Barang</i>	<i>Harga (RM)</i>	<i>Utiliti sut</i>
X	15.00	15
Y	20.00	40
Z	25.00	75

Untuk memaksimumkan kepuasan, pengguna hendaklah.....

- A menambah pembelian X dan Y
- B tidak mengubah pembeliannya
- C menambah pembelian X dan mengurangkan Y
- D menambah pembelian Z dan mengurangkan X

15. Rajah di bawah menunjukkan keluaran purata (AP) dan keluaran sut (MP) sebuah firma.



Apakah yang berlaku kepada jumlah keluaran ketika keluaran sut berada pada titik D?

- A Berada pada titik minimum
- B Berada pada titik maksimum
- C Sedang menaik dengan kadar berkurangan

D Sedang menaik dengan kadar bertambah

16. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara input berubah dengan jumlah output sebuah firma dalam jangka pendek.

<i>Input buruh (unit)</i>	<i>Jumlah output (unit)</i>
0	0
1	5
2	15
3	37
4	47
5	55
6	60
7	63
8	63
9	62

Pulangan bertambah kurang bermula pada unit buruh yang .....

- A ke 3  
 B ke 4  
 C ke 5  
 D ke 6
17. Jadual di bawah menunjukkan jumlah kos berubah pada pelbagai tingkat pengeluaran bagi barangan XYZ.

<i>Kuantiti XYZ (unit)</i>	<i>Jumlah kos berubah (RM)</i>
1	12
2	15
3	17
4	18

Jika kos tetap pengeluaran ialah 20, berapakah kos purata dan kos sut bagi tingkat keluaran ke 2?

	<i>Kos purata (RM)</i>	<i>Kos sut (RM)</i>
A	13.00	2.50
B	13.00	3.00
C	15.00	2.50
D	15.00	3.00

944/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.


<http://smkpbu.blogspot.com>

SULIT\*

18. Keluaran keseimbangan sebuah firma pasaran persaingan sempurna ialah 5 unit. Keluaran itu dijual pada harga RM4.00 manakala jumlah kos purata pada keluaran keseimbangan ialah RM4.40. Firma ini mengalami .....

- A keuntungan sebanyak RM6.00
- B keuntungan sebanyak RM4.00
- C kerugian sebanyak RM0.40
- D kerugian sebanyak RM6.00

19. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos dan hasil sebuah firma.




Berapakah jumlah kos tetap yang tidak dapat ditampung oleh firma tersebut?

- A RM50.00
- B RM250.00
- C RM750.00
- D RM1000.00

20. Keluk penawaran jangka pendek firma pasaran persaingan sempurna bermula dari.....

- A bahagian menaik keluk kos sut di atas keluk hasil sut
- B bahagian menaik keluk kos sut di atas titik minimum keluk kos purata
- C bahagian menaik keluk kos sut di atas titik minimum keluk kos berubah purata
- D bahagian menaik keluk kos sut di atas titik maksimum keluk kos berubah purata


21. Gambar rajah dibawah menunjukkan keluk kos purata (AC), kos sut (MC) dan permintaan (DD) sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna.



Jika keluk permintaan berubah dari  $D_0$  ke  $D_1$ , keuntungan firma bertambah sebanyak ....

- A RM 71.40
- B RM 84.60
- C RM104.00
- D RM156.00

22. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos purata (AC), kos sut (MC), hasil purata (AR) dan hasil sut (MR) sebuah firma.



944/1


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT\*

Sekiranya firma tersebut berubah dari sebuah firma persaingan sempurna kepada sebuah firma monopoli, berapakah pertambahan keuntungan yang di nikmati oleh firma tersebut?


- A RM 60.00
  - B RM240.00
  - C RM280.00
  - D RM300.00
23. Monopoli kerajaan membekalkan barang awam lebih baik daripada monopoli swasta kerana.....
- A harga yang lebih tinggi dan banyak barang
  - B harga yang lebih murah dan kurang barang
  - C harga lebih tinggi dan kurang barang
  - D harga yang lebih rendah dan banyak barang
24. Jika firma pasaran persaingan sempurna dijadikan monopoli oleh kerajaan dan kos tidak berubah, bagaimanakah keadaan harga dan kuantiti keseimbangan dalam jangka pendek.....
- A harga naik, kuantiti berkurang
  - B harga turun, kuantiti berkurang
  - C harga naik, kuantiti bertambah
  - D harga turun, kuantiti bertambah
25. Permintaan terhadap faktor pengeluaran bersifat anjal apabila .....
- A keuntungan yang diperoleh oleh firma adalah kecil
  - B terdapat factor pengganti yang lain di dalam pasaran
  - C jumlah kos yang dibayar kepada factor tersebut adalah kecil
  - D barang yang dikeluarkan oleh factor tersebut banyak pengganti
26. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan untung?
- A menggalakkan inovasi
  - B menggalakkan persaingan sihat
  - C menggalakkan kegiatan monopoli
  - D menggalakkan penggunaan faktor secara semulajadi
- 27.. Untuk menyokong harga minimum bagi keluaran padi tempatan, kerajaan perlu.....
- A meningkatkan mutu keluaran padi
  - B memastikan pasaran gelap tidak berlaku
  - C membeli lebihan penawaran padi yang wujud di pasaran
  - D menetapkan harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan

28. Rajah menunjukkan DD adalah keluk permintaan dan SS adalah keluk penawaran terhadap pertanian.



Pada keseimbangan di titik E, perolehan pindahan ialah sebanyak.....

- A RM35.00
  - B RM50.00
  - C RM15.00
  - D RM17.50
29. Gambar rajah di bawah menunjukkan keseimbangan dalam sebuah pasaran. Keluk permintaan dan keluk penawaran yang asal ialah  $D_0D_0$  dan  $S_0S_0$  masing-masing dan keseimbangan pasaran yang asal ialah pada  $E_0$ .



944/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

<http://smkpbu.blogspot.com>


SULIT\*

D<sub>0</sub>

0 35 40 Kuantiti (unit)

Jika kerajaan mengenakan cukai sebanyak RM7.00 per unit keluaran, ini menunjukkan

- A permintaan adalah anjal
  - B jumlah hasil firma berkurang
  - C perbelanjaan pengguna berkurang
  - D beban cukai pengguna lebih besar berbanding pengeluar
30. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan buruh dan keluk penawaran buruh bagi sebuah firma.



Apakah yang berlaku jika keasatuan sekerja menetapkan upah minimum pada kadar RM10.00?

- A Jumlah upah adalah sebanyak RM15 000.00
- B Pengangguran sebanyak 5 ribu orang
- C Perubahan upah sebanyak RM20.00
- D Jumlah upah yang baru sebanyak RM200 000.00

**Bahagian B** [30 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 50 minit bagi menjawab bahagian ini.

1. Terangkan dengan ringkas perbezaan antara barang awam dengan barang ekonomi. [6]
2. Terangkan dengan ringkas tiga ciri sistem ekonomi pasaran bebas. [6]
3. (a) Bezakan antara permintaan individu dengan permintaan pasaran. [2]  
(b) Terangkan bagaimana perubahan dalam pendapatan pengguna memberi kesan terhadap barangan bawahan [4]
4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran. [2]  
(b) Terangkan kesan ke atas keseimbangan pasaran bagi beras tempatan apabila:
  - (i) Harga beras import jatuh [2]
  - (ii) Berlaku musim kemarau yang panjang [2]
- 5 Huraikan maksud kos purata dan kos sut serta jelaskan hubungan antara keduanya. [6]
6. (a) Nyatakan dua kebaikan Pasaran Persaingan Bermonopoli [2]  
(b) Jelaskan dua cara firma bermonopoli melakukan persaingan bukan harga [4]
7. (a) Terangkan dua peranan untung dalam ekonomi. [3]  
(b) Mengapakah upah berbeza-beza dalam ekonomi. [3]

8. Dengan menggunakan gambar rajah,bezakan antara perolehan pindahan dengan sewa ekonomi. [6]

**Bahagian C ( 20 markah)**

*Jawab dua soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.*

- 9 (a) Dengan menggunakan gambar rajah, huraikan secara ringkas kesan daripada kenaikan kos pengeluaran besi terhadap keseimbangan pasaran kereta.. [4]
- (b) Terangkan hubungan antara keanjalan permintaan pendapatan dengan jenis barang. [6]
- 10 (a) Bezakan antara ekonomi bidangan dalaman dengan ekonomi bidangan luaran. [4]
- (b) Terangkan bagaimana ekonomi bidangan luaran dan ekonomi bidangan dalaman mempengaruhi kedudukan keluk kos purata jangka panjang. [6]
11. (a) Jelaskan tiga sebab mengapa kerajaan perlu campur tangan dalam kegiatan ekonomi. [6]
- (b) Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan bahagian cukai yang diterima oleh penjual dan pembeli jika keanjalan permintaannya tak anjal. [4]
12. (a) Jelaskan perbezaan antara pasaran persaingan sempurna dengan monopoli dalam jangka panjang dari aspek
- (i) Harga dan kuantiti keseimbangan [2]
- (ii) Kecekapan peruntukan [2]
- (iii) Kecekapan pengeluaran [2]

- (b) Terangkan dua perbezaan ciri antara pasaran oligopoli dengan pasaran persaingan sempurna. [4]

**Bahagian D [20 markah]**

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 13 Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran keluaran ternakan udang harimau.

Harga per unit (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
4	130	40
8	120	60
12	110	80
16	100	100
20	90	120
24	80	140
28	70	160

- (a) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan dan penawaran bagi pasaran udang harimau. [3]
- (b) Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan bagi pasaran udang harimau. [2]
- (c) Hitung jumlah hasil yang diperoleh oleh penternak udang harimau. [1]
- (d) Untuk membantu meningkatkan pendapatan penternak udang harimau, kerajaan bercadang memberi subsidi harga sebanyak RM 6.00 untuk setiap unit yang terjual di pasaran.
- (i) Pada graf yang sama, lukis keluk penawaran yang baru. [1]
- (ii) Tentukan harga dan kuantiti keseimbangan yang baru. [2]

- (iii) Hitung jumlah perbelanjaan kerajaan. [1]

- 14 Jadual di bawah menunjukkan utiliti sut yang dinikmati oleh seorang pengguna daripada penggunaan setiap unit barang A dan barang B.

Kuantiti (unit)	Utiliti Sut Barang A	Utiliti Sut Barang B
1	30	30
2	24	26
3	18	24
4	15	16
5	9	12
6	6	10

- (a) Apakah syarat untuk memastikan pengguna tersebut memaksimumkan jumlah utiliti daripada penggunaan kedua-dua barang A dan barang B ? [2]
- (b) Sekiranya harga barang A ialah RM 6.00 per unit dan harga barang B RM 4.00 per unit dan jumlah pendapatan ialah RM 38.00,
- (i) Apakah kombinasi penggunaan barang A dan barang B yang memaksimumkan utiliti pengguna tersebut ? [2]
- (ii) Berapakah jumlah utiliti daripada kedua-dua barang yang digunakan ? [2]
- (c) Jika pendapatan pengguna tersebut meningkat sebanyak RM 10.00 dan harga barang-barang tidak berubah,
- (i) Apakah kombinasi penggunaan barang A dan barang B yang memaksimumkan utiliti pengguna tersebut ? [2]
- (ii) Berapakah perbezaan jumlah utiliti yang baru ? [2]

- 15 Jadual di bawah menunjukkan output, harga, kos purata dan hasil purata sebuah firma monopoli.

<b>Output (unit)</b>	<b>Harga (RM)</b>	<b>Kos Purata (RM)</b>	<b>Hasil Purata (RM)</b>
1	60	78	60
2	55	47	55
3	50	36	50
4	45	33	45
5	40	34	40
6	35	36	35
7	30	42	30

- (a) Sediakan jadual yang menunjukkan kos sut dan hasil sut firma tersebut. [2]
- (b) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk kos purata, kos sut, hasil purata dan hasil sut firma tersebut. [4]
- (c) Jika firma tersebut berada dalam keseimbangan, berapakah harga dan kuantiti keseimbangan ? [2]
- (d) Tentukan harga dan kuantiti keseimbangan apabila kerajaan melaksanakan dasar kawalan harga kos purata. [2]

- 16 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara input dengan jumlah keluaran fizikal bagi firma pasaran persaingan sempurna. Harga keluaran ialah RM 10.00.

<b>Input (unit)</b>	<b>Jumlah keluaran fizikal (unit)</b>
1	10
2	25
3	45
4	60
5	72
6	82
7	89
8	94

- (a) Sediakan jadual yang menunjukkan keluaran hasil sut dan keluaran hasil purata [4]
- (b) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk keluaran hasil sut dan keluk keluaran hasil purata. [3]
- (c) Dengan merujuk kepada gambar rajah yang dilukis, hitung keanjalan permintaan faktor, jika harga input turun daripada RM 150.00 kepada RM 120.00. [2]
- (d) Apakah yang berlaku kepada permintaan input jika harga input ialah RM 170.00 ? [1]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPI 944/2 2SMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS STPM 2009 2NPERLIS  
 PKPSMPI 2SMPE 2NPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPE EKONOMI KPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPE KPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI KERTAS 2 IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPI (MAKROEKONOMI -ANEKA PILIHAN DAN ESEI ) IJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPI IJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPI IJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
 SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2009



ANJURAN  
 PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
 SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
 (CAWANGAN PERLIS)

**Arahan kepada calon:**

*Jawab semua dalam Bahagian A, lima soalan daripada Bahagian B, dua soalan daripada Bahagian C dan dua soalan daripada Bahagian D.*

*Ada tiga puluh soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat dan menandakannya pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

*Anda dinasihati supaya menjawab Bahagian A dalam masa satu jam yang pertama.*

*Gunakan lembaran kertas yang berasingan bagi tiap-tiap bahagian B, C dan D.*

*Tunjukkan semua perhitungannya dan berikan jawapan anda betul sehingga dua tempat perpuluhan.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan dalam bahagian B, C dan D diberikan dalam tanda kurung [ ].*

**NOTA**

*Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.  
 Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan.*

**Kertas soalan ini terdiri daripada 14 halaman bercetak.**

© Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Perlis (PKPSM) 2009

**Bahagian A ( 30 markah )**

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.

- 1 Antara berikut yang manakah **bukan** pembolehubah makroekonomi?
  - A Kadar upah
  - B Kadar inflasi
  - C Kadar pengangguran
  - D Kadar bunga
- 2 Jadual di bawah menunjukkan pendapatan negara ( nominal ) dan indeks harga pengguna pada tahun 2000 dan 2007.

<i>Tahun</i>	2000	2007
<i>Butiran</i>		
Pendapatan negara nominal	RM 625 juta	RM 800 juta
Indeks harga pengguna	250	320

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berkenaan dengan pendapatan negara pada tahun 2007?

- A Pendapatan negara benar tidak berubah
  - B Pendapatan negara benar meningkat sebanyak 50%
  - C Pendapatan negara benar tahun 2000 lebih besar daripada tahun 2007
  - D Pendapatan negara benar tahun 2007 sama dengan pendapatan negara nominal tahun 2000
- 3 Keluaran Dalam Negara Kasar lebih besar daripada Keluaran Negara Kasar disebabkan
    - A bayaran pindahan positif
    - B pembayaran melebihi penerimaan bagi pendapatan pelaburan
    - C cukai tak langsung melebihi subsidi
    - D eksport barangan melebihi import barangan
  - 4 Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi negara Y.

<i>Butiran</i>	<i>RM juta</i>
Pendapatan negara	5000
Bayaran bunga oleh kerajaan	70
Bayaran pindahan kerajaan	220
Cukai keuntungan syarikat	180
Cukai pendapatan perseorangan	440
Untung yang tidak dibahagi	260

Berapakah pendapatan boleh guna negara Y ?

- A RM 4410juta
- B RM 4770juta
- C RM 5290 juta
- D RM 6170 juta

5 Jadual di bawah menunjukkan data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut sektor-sektor ekonomi pada tahun 2007 mengikut harga tetap tahun 2000.

<i>Sektor Ekonomi</i>	<i>RM juta</i>
Perikanan	15 521
Perlombongan	8 888
Perkilangan	36 896
Pembinaan	5 487
Gas dan air	2 860
Perhubungan	8 787
Hotel & restoran	13 345
Insuran & hartanah	12 626
Perkhidmatan kerajaan	2 444
Tolak: bayaran perkhidmatan bank	7 464
Campur : cukai import	4 124
KDNK harga pasaran	103 514

Berdasarkan data yang diberikan pada tahun 2007, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK Malaysia ialah

- A 23.58%
- B 34.37%
- C 38.70%
- D 40.94%

6 Andaikan kerajaan menaikkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM 1200 juta dan tingkat keseimbangan pendapatan negara ialah RM 5300 juta, berapakah tingkat keseimbangan pendapatan negara yang baru jika kecenderungan menabung sut dalam ekonomi ialah 0.5.

- A RM 1992 juta
- B RM 3308 juta
- C RM 7700 juta
- D RM 8798juta

7 Jika nilai MPC 0.60, ini menunjukkan bahawa

- A 40% daripada pertambahan pendapatan akan dibelanjakan
- B 40% daripada pertambahan pendapatan akan ditabungkan
- C 60% daripada pertambahan pendapatan akan ditabungkan
- D 60% daripada pertambahan pendapatan akan dikeluarkan

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT\*


8 Jadual menunjukkan hubungan antara pendapatan negara (Y), penggunaan (C) dan pelaburan (I) dalam ekonomi dua sektor.

<i>Pendapatan negara ( RM juta)</i>	<i>Penggunaan ( RM juta)</i>	<i>Pelaburan (RM juta)</i>
0	10	8
10	17	8
20	23	8
30	30	8
40	36	8
50	40	8

Fungsi tabungan (S) ialah

- A  $S = 10 - 0.7Y$
- B  $S = 10 + 0.3Y$
- C  $S = -10 + 0.7Y$
- D  $S = -10 + 0.3 Y$


9 Rajah di bawah menunjukkan S ialah tabungan dan I ialah pelaburan.



Bagaimanakah keadaan ekonomi pada tingkat pendapatan negara  $Y_1$ ?

- A Ekonomi akan menghadapi inflasi
- B Ekonomi akan berkembang ke arah  $Y_2$
- C Ekonomi akan menguncup ke arah  $Y_0$
- D Ekonomi berada pada tingkat guna tenaga penuh


10 Rajah di bawah menunjukkan tingkat keseimbangan ekonomi dua sektor bagi sebuah negara.



Jika pendapatan negara pada guna tenaga penuh adalah RM 300 juta, berapakah nilai perbelanjaan kerajaan yang diperlukan untuk mencapai tingkat guna tenaga penuh?

- A RM 30 juta
- B RM 35 juta
- C RM 37 juta
- D RM 50 juta

11 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran agregat dan keluk permintaan agregat bagi sesebuah ekonomi.



Apakah faktor yang menyebabkan peralihan keluk permintaan agregat dari  $AD_0$  ke  $AD_1$ ?

- A Pengurangan cukai
- B Penawaran wang
- C Pengurangan perbelanjaan kerajaan
- D Pengurangan tabungan

12 Antara berikut yang manakah membezakan antara Keluaran Negara Kasar dengan Keluaran Negara Bersih?

- A Untung tak dibahagi
- B Cukai tak langsung
- D Bayaran pindahan
- D Elaun penggunaan modal

13 Andaikan kecenderungan mengguna sut ialah 0.5 dan cukai (T) =500. Jika Y bersamaan dengan C pada tingkat Y = 5500, apakah fungsi (C) ?

- A  $C = 2000 + 0.5Y_d$
- B  $C = 3000 + 0.5Y_d$
- C  $C = 4500 + 0.5Y_d$
- D  $C = 5000 + 0.5Y_d$

14 Antara berikut yang manakah menunjukkan fungsi bank pusat sebagai bank kepada bank-bank perdagangan ?

- A Pengeluar mata wang negara
- B Pelaksana dasar kewangan
- C Pemberi pinjaman terakhir
- D Pengurus hutang negara

15 Mengikut analisis Keynes, kesan pertambahan bekalan wang akan menyebabkan

- A kadar bunga menurun, pelaburan bertambah, permintaan agregat meningkat dan pendapatan negara meningkat
- B kadar bunga menurun, pelaburan bertambah, permintaan agregat menurun dan pendapatan negara menurun
- C kadar bunga meningkat, pelaburan berkurang, permintaan agregat menurun dan pendapatan negara menurun
- D kadar bunga meningkat, pelaburan bertambah, permintaan agregat meningkat dan pendapatan negara meningkat

16 Mengikut Teori Kuantiti Wang Fisher, apabila bekalan wang bertambah sebanyak 12%

- A tabungan akan naik sebanyak 12%
- B pelaburan turun sebanyak 12%
- C harga akan naik sebanyak 12%
- D kadar bunga kan turun sebanyak 12%

17 Andaikan En. Haziq menyimpan wang tunai sebanyak RM 20 000 dalam deposit semasa di CIMB Bank .Nisbah mudah tunai minimum ialah 20% dan tiada lebih rizab pada awalnya. Berapakah jumlah deposit semasa yang dicipta jika dalam ekonomi tersebut terdapat banyak bank ?

- A RM 10 000
- B RM 20 000

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT\*

SULIT\*

- C RM 80 000
- D RM 100 000


18 Berikut adalah data bagi jumlah penduduk, guna tenaga dan tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2006.

<i>Perkara</i>	<i>Bilangan (Juta orang)</i>
Jumlah penduduk	20.80
Jumlah guna tenaga	6.05
Jumlah tenaga buruh	8.06

Berapakah kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2006 ?

- A 24.94%
  - B 29.08%
  - C 33.22%
  - D 38.75%
- 19 Yang manakah bukan alat dasar kewangan ?
- A Perubahan kadar bank
  - B Perubahan kadar cukai
  - C Operasi pasaran terbuka
  - D Perubahan keperluan rizab berkanun

20 Rajah berikut menunjukkan suntikan (J) dan bocoran (W) bagi sebuah ekonomi.



Jika ON ialah pendapatan negara pada tingkat guna tenaga penuh, maka lompong deflasi dapat diukur sebagai

- A LM didarab dengan MN
  - B EM didarab dengan MN
  - C MN dibahagi oleh FN
  - D MN dibahagi oleh pengganda
- 21 Alat dasar fiskal yang berikut dapat mengatasi masalah pengangguran **kecuali**
- A menaikkan perbelanjaan kerajaan dan mengurangkan cukai

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT\*

- B mengekalkan perbelanjaan kerajaan dan menurunkan cukai
- C menaikkan perbelanjaan kerajaan dan cukai dengan jumlah yang sama
- D mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan menaikkan cukai

22 Jadual berikut menunjukkan keseluruhan nilai imbalan pembayaran sebuah negara dalam suatu tahun.

<i>Keterangan</i>	<i>RM juta</i>
Eksport barang nampak	1200
Import barang nampak	1300
Tambang dan insuran	-200
Perjalanan	400
Pelaburan Korporat	200
Pendapatan pelaburan	-200
Bayaran pindahan	200

Berapakah jumlah imbalan semasa negara ini ?

- A RM 100 juta
  - B RM 200 juta
  - C RM 300 juta
  - D RM 400 juta
- 23 Sekiranya indeks harga import meningkat melebihi peningkatan indeks harga eksport, maka kesannya
- A kadar syarat perdagangan akan semakin meningkat
  - B akan berlaku defisit dalam imbalan perdagangan
  - C akan berlaku lebihan dalam imbalan perdagangan
  - D kadar syarat perdagangan akan semakin merosot
- 24 Antara berikut langkah-langkah yang manakah sesuai diambil oleh kerajaan apabila menghadapi masalah defisit dalam imbalan pembayaran?
- A Mengurangkan eksport
  - B Menambahkan import
  - C Menurunkan nilai mata wang
  - D Menggalakkan kemasukan buruh asing
- 25 Jika sesebuah negara memperoleh kadar syarat perdagangan yang bertambah baik, kesannya
- A eksportnya bertambah
  - B import akan menjadi lebih murah berbanding eksport
  - C kadar pertukaran asingnya akan meningkat
  - D pengeluaran barang dalam negara lebih murah berbanding barang import
- 26 Antara berikut yang manakah menyebabkan keluk permintaan bagi Ringgit Malaysia beralih ke kiri ?


944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT\*

- A Pendapatan penduduk di Malaysia naik
- B Kebanyakan rakyat Jepun melancong di Malaysia
- C Firma-firma di Jepun mengurangkan pelaburan di Malaysia
- D Kadar inflasi di Jepun naik berbanding kadar inflasi di Malaysia


27 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan dan penawaran bagi suatu barang di sebuah negara.



Jika harga dunia adalah  $OP_0$ , maka kuantiti import negara itu ialah

- A  $O_0Q_1$
  - B  $O_0Q_2$
  - C  $OQ_2$
  - D  $Q_1Q_2$
- 28 Apabila mata wang sesebuah negara "terlebih nilai" maka
- A import akan melebihi eksport
  - B eksport melebihi import
  - C guna tenaga di negara tersebut meningkat
  - D kuasa mata wang di pasaran antarabangsa rendah

29 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebelum perdagangan dan selepas perdagangan antarabangsa.



944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

<http://smkpbu.blogspot.com>

SULIT\*

0            50            100

Keluk kemungkinan pengeluaran PQ dan LM masing-masing merujuk kepada negara Malaysia dan negara Thailand. Antara berikut yang manakah benar?

- A Negara Malaysia akan mengkhusus dalam pengeluaran buah mempelam
- B Negara Thailand akan mengkhusus dalam pengeluaran buah durian
- C Negara Malaysia mengekport pengeluaran buah durian
- D Negara Thailand mengeksport pengeluaran buah durian

30. Pernyataan yang berikut merupakan faktor yang mendorong pertumbuhan ekonomi sesebuah negara **kecuali**

- A ledakan penduduk
- B penambahan pelaburan
- C kekayaan alam semulajadi
- D penyediaan kemudahan infrastruktur

**Bahagian B** [30 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 50 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 1 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pendapatan perkapita? [2]  
(b) Terangkan **dua** kelemahan menggunakan pendapatan perkapita sebagai ukuran kemakmuran sesebuah negara. [4]
- 2 (a) Apakah maksud nilai ditambah ? [2]  
(b) Dengan menggunakan contoh berangka, terangkan bagaimana nilai ditambah dihitung. [4]
- 3 (a) Bezakan pelaburan teraruh dengan pelaburan autonomi. [2]  
(b) Sejauh manakah faktor pendapatan negara mempengaruhi tingkat pelaburan sesebuah negara? [4]
- 4 Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, huraikan kesan ke atas keseimbangan kadar bunga sekiranya;  
(a) Pendapatan nominal masyarakat meningkat [3]  
(b) Masyarakat lebih banyak melakukan tabungan dalam bank perdagangan [3]
- 5 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan proses penciptaan kredit? [2]  
(b) Apakah halangan-halangan yang menghadkan proses penggandaan wang dalam sesebuah ekonomi? [4]
- 6 Terangkan perbezaan antara penstabil automatik dengan fiskal budi bicara. [6]
- 7 (a) Bezakan antara devaluasi dengan revaluasi. [2]  
(b) Dengan memberikan contoh yang sesuai, jelaskan dasar devaluasi dan kesannya terhadap imbalan pembayaran sesebuah negara. [4]
- 8 (a) Berikan maksud globalisasi? [2]  
(b) Huraikan kesan-kesan positif globalisasi kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. [4]

**Bahagian C [20 markah]**

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 9 (a) Terangkan dua matlamat ekonomi yang ingin dicapai oleh kerajaan Malaysia. [3]  
(b) Terangkan perubahan aliran pusingan pendapatan apabila ekonomi dua sektor menjadi ekonomi tiga sektor. [5]  
(c) Apakah implikasi perubahan ini terhadap syarat keseimbangan pendapatan negara ekonomi tiga sektor? [2]
- 10 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan cukai sekaligus dan cukai berkadar? [2]  
(b) Dengan menggunakan kaedah perbelanjaan agregat-penawaran agregat (AE-AS), terangkan kesan ke atas keseimbangan pendapatan negara apabila kerajaan menaikkan cukai berkadar. [4]  
(c) “Peningkatan kecenderungan menabung sut akan menyebabkan keluaran negara merosot”. Dengan memberikan gambar rajah suntikan dan bocoran, terangkan pernyataan tersebut. [4]
- 11 (a) Apakah maksud pengangguran kitaran? [1]  
(b) Terangkan bagaimana alat dasar kewangan digunakan untuk mengatasi masalah pengangguran kitaran. [5]  
(c) Huraikan dua kesan buruk pengangguran kitaran kepada ekonomi sesebuah negara. [4]
- 12 (a) Berikan maksud sistem kadar pertukaran boleh ubah. [2]  
(b) Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan kesan ke atas kadar pertukaran Ringgit Malaysia dalam sebutan dolar Amerika jika permintaan dolar Amerika Syarikat jatuh. [6]  
(c) Berikan dua sebab keluk permintaan dolar Amerika Syarikat beralih ke kiri. [2]

**Bahagian D** [20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

13 Maklumat berikut berkaitan dengan ekonomi 3 sektor (dalam RM juta).

Fungsi Penggunaan	$C = RM\ 300 + 0.8Y_d$
Pelaburan	$I = RM\ 350$
Perbelanjaan Kerajaan	$G = RM\ 450$
Cukai	$T = 0.25Y$

- (a) Nyatakan fungsi penggunaan dan tabungan dalam sebutan Y. [2]
- (b) Hitung tingkat keseimbangan ekonomi tersebut. [2]
- (c) (i) Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara ini jika pendapatan negara pada guna tenaga penuh ialah RM 3500 juta? [1]
- (ii) Berapakah saiz masalah ekonomi itu? [1]
- (d) Bagaimanakah cara kerajaan menghapuskan masalah ekonomi tersebut jika melalui perubahan cukai? [2]
- (e) Lukiskan gambar rajah yang menunjukkan tingkat keseimbangan pendapatan negara dan keadaan masalah ekonomi tersebut. [2]

14 Jadual di bawah menunjukkan kedudukan Imbangan Pembayaran Malaysia bagi tahun 2006 dan 2007.

<i>Butiran/ Tahun</i>	<i>2006(RM juta)</i>	<i>2007(RM juta)</i>
Eksport (f.o.b)	601 212	655 215
Import (f.o.b)	463 333	509 463
Pengangkutan	-21 866	- 25 214
Perjalanan	21 717	24 372
Urusniaga Kerajaan	- 372	- 415
Perkhidmatan Lain	- 10 880	-12 084
Pendapatan Pelaburan	-22 569	-21 613
Pindahan Semasa	16 035	- 16 079
Akaun Kewangan	-43 488	- 20 505
Kesilapan dan Ketinggalan	-24 772	- 6 997

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

<http://smkpbu.blogspot.com>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia*, 2007.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan imbalan barangan dan kenapakah kedudukannya dalam keadaan lebihan ? [2]
- (b) Hitung imbalan akaun perkhidmatan bagi tahun 2006 dan 2007. [2]
- (c) Mengapakah data pendapatan pelaburan sentiasa negatif? [1]
- (d) Hitung kedudukan Akaun Semasa Malaysia pada tahun 2006 dan 2007. [2]
- (e) Hitung kedudukan imbalan keseluruhan Malaysia bagi tahun 2006 dan 2007. [2]
- (f) Nyatakan satu langkah untuk mengatasi defisit imbalan akaun perkhidmatan. [1]

15 Jadual di bawah menunjukkan wang dalam edaran, simpanan semasa, Keluaran Negara Kasar Nominal dan Indeks Harga Pengguna di Malaysia dari tahun 2004 hingga 2006.

<i>Tahun</i>	<i>Wang dalam edaran (RM juta)</i>	<i>Simpanan Semasa (RM juta)</i>	<i>KDNK harga semasa (RM juta)</i>
2004	28 537.1	87 466.1	450 152
2005	30 166.4	96 155.9	495 239
2006	33 519.4	107 604.3	548 422

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, *Jabatan Perangkaan Malaysi*, 2006.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan wang dalam edaran? [1]
- (b) Hitung bekalan wang M1 dari tahun 2004 hingga 2006. [2]
- (c) Hitung kadar pertumbuhan tahunan mata wang dalam edaran pada tahun 2005 dan 2006. [2]
- (d) Hitung kadar pertumbuhan deposit semasa pada tahun 2005 dan 2006? [2]
- (e) Hitung halaju peredaran wang dari tahun 2004 hingga tahun 2006. Adakah ia bersesuaian dengan Teori Kuantiti Wang Fisher? Apakah kesimpulan anda? [3]

16 Jadual di bawah menunjukkan indeks harga pengguna, Keluaran Negara Kasar harga semasa dan kadar pengangguran dari tahun 2003 hingga tahun 2006.

<i>Tahun</i>	<i>Indeks Harga Pengguna</i>	<i>Keluaran Negara Kasar harga semasa (RM juta)</i>	<i>Kadar Pengangguran</i>
2003	95.7	372 633	3.6
2004	97.1	449 646	3.5
2005	100	498 485	3.5
2006	103.6	556 380	3.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia*, 2007.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kadar inflasi? [1]
- (b) Tentukan kadar inflasi bagi tahun 2004 hingga tahun 2006? [2]

- (c) Apakah hubungan antara kadar inflasi dengan Keluaran Negara Kasar harga semasa dari tahun 2004 hingga 2006? [2]
- (d) Berdasarkan jadual tersebut, apakah benar kesan inflasi ke atas kadar pengangguran bersesuaian dengan Teori Phillips? [2]
- (e) Hitung nilai KNK pada harga tetap dari tahun 2004 hingga tahun 2006. [2]
- (f) Tentukan sama ada berlaku kemerosotan atau sebaliknya dalam tingkat harga umum pada tahun 2004 dengan menggunakan indeks harga pengguna tahun asas 2005. [1]